

Agro



Madu Haq

MARDI bantu pertingkat
kualiti >>4



Perabot tempatan

FRIM sedia kongsi kepakaran >>6

Perkukuh industri perabot

FRIM sedia kongsi kepakaran supaya produk tempatan capai standard antarabangsa



TEKNOLOGI perabot yang dipamerkan.



UJIAN perabot.

Oleh Mohd Sabran Md Sani
 sab@hmetro.com.my

Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Pusat Sumber Teknologi Perabot MARA (FITEC) akan menganjurkan Simposium Reka Bentuk Perabot Nasional di Port Dickson, Negeri Sembilan pada 26 dan 27 November ini.

Ia bagi menggalak dan mengukuhkan industri perabot Malaysia di peringkat global.

Simposium dua hari itu juga bagi meningkatkan kesedaran orang ramai hubung kait antara reka bentuk, bahan mentah, teknologi dan pasaran demi meningkatkan nilai eksport perabot negara.

Ia bakal dirasmikan Ketua Pengarah Majlis Amanah Rakyat (MARA), Datuk Ibrahim Ahmad.

Simposium ini mendapat sokongan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), Kerajaan Negeri Sembilan, Majlis Reka Bentuk Malaysia (MRM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA) dan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB).

Seramai 200 peserta terdiri daripada usahawan perabot, pereka, kakitangan pelbagai agensi kerajaan dan swasta serta pelajar Institut pengajian tinggi dijangka menyertai



DR Abd Latif

simposium ini.

Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr Abd Latif Mohmod berkata, agensi itu sedia berkongsi kepakaran dan pengalaman menjalankan ujian perabot bagi memastikan produk tempatan mencapai standard antarabangsa.

Beliau berkata, FRIM bekerjasama dengan Kementerian Kewangan, Kementerian Pendidikan, Standard Malaysia dan juga Persatuan Pengeluar Perabot Bumiputera (PETRA).

"Kerjasama ini bagi memberikan Perkhidmatan Pensijilan Produk (PCS) perabot yang dibekalkan ke sekolah rendah dan menengah," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif FITEC, Datuk Abd Rahim Abd Ghani berkata, kerjasama erat antara FITEC dan FRIM diharapkan dapat memberi lebih impak di dalam pembangunan industri perabot.

FITEC berperanan seba-



KAYU yang dirawat.

FAKTA
 200 sertai
 Simposium Reka
 Bentuk
 Perabot Nasional
 di Port Dickson



SISTEM HTD di FRIM.

gai platform memberi latihan teknikal meliputi aspek reka bentuk, khidmat nasihat, keusahawanan dan membantu usahawan bersedia dari segi keupayaan serta kapasiti untuk meneroka pasaran perabot tempatan dan luar negara.

FITEC yang terletak di Kawasan Industri MARA Batu Caves, Kuala Lumpur, mempunyai kemudahan

lengkap untuk latihan, pengujian perabot dan Pusat Sumber Reka Bentuk Perabot (FDRC).

Simposium Reka Bentuk Perabot akan mengemukakan tiga pengucapnama iaitu Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah, Dekan Pusat Pengajian Seni Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor



UJIAN ketahanan perabot.



PELBAGAI jenis rekaan perabot dipamerkan.

Madya Mohamad Omar Bidiin dan rakan kongsi Roland Berger Strategy Consultants Sdn Bhd Malaysia, John Low.

Pakar FRIM akan bentangkan dua topik iaitu 'Kepentingan Ujian Perabot untuk Memenuhi Kepuasan Pelanggan oleh Pengarah Bahagian Keluaran Hutan, Dr Rahim Sudin'.

Topik kedua adalah 'Sistem Pengeringan Suhu Tinggi

(High Temperature Drying atau HTD) oleh Ketua Program Pemprosesan Termaju dan Rekabentuk, Dr Tan Yu Eng.

Hubungi Yanti Abdul Kadir (03-62797705/yanti@frim.gov.my), Noor Azrieda Abdul Rashid (03-62797415/azrieda@frim.gov.my) atau Siti Zaleha Ali (03-62797386/sitizalehaali@frim.gov.my) untuk maklumat lanjut.